

08 JUN 1998

Najib-Komputer

SISTEM RANGKAIAN KOMPUTER UMNO DILAKSANAKAN TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Sistem Rangkaian Komputer Umno (Serangkum) berharga RM9.5 juta yang akan meningkatkan keberkesanan pentadbiran parti itu akan beroperasi menjelang penghujung tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengkomputeran Umno, Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata sistem yang menyelaraskan maklumat di peringkat bahagian perhubungan Umno negeri dan ibu pejabat itu, dijamin keselamatannya daripada dicerobohi.

Di bawah sistem itu sebanyak 225 komputer, 112 pencetak dan 179 perkakasan lain termasuk modem rangkaian fiber optik akan dibekalkan di semua 165 bahagian, badan perhubungan Umno negeri dan ibu pejabat.

Sistem ini mempunyai 17 perisian antaranya mengumpul data, menyimpan akaun, rekod keanggotaan, minit mesyuarat dan pendaftar pengundi, katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis manandatangani penyediaan sistem itu oleh syarikat Aliran Permata Sdn Bhd, di sini.

Najib, Menteri Pendidikan dan Naib Presiden Umno, berkata tahap keselamatan sistem itu sudah diuji menerusi agensi lain yang mengamalkannya dan setakat ini Umno berpuas hati terhadap keselamatan sistem itu.

Mereka yang akan mengendalikan sistem itu ialah setiausaha kerja dan kerani, katanya dan menambah sistem itu akan dikendalikan antara dua atau tiga orang supaya apabila seseorang itu uzur atau letak jawatan maka ada pengganti mengendalikannya.

Najib berkata latihan peringkat ibu pejabat telah dilaksanakan dan latihan peringkat negeri akan diadakan akhir bulan ini dan diikuti peringkat bahagian.

Keseluruhan sistem ini boleh berfungsi dalam tempoh 20 bulan dan sistem ini penting bagi keperluan pentadbiran Umno dan perjalanan keseluruhan parti, katanya.

"Tujuan mengadakan sistem komputer ini bagi mebolehkan segala data maklumat dan perhubungan beroperasi secara pantas, tepat dan berkesan secara dua hala iaitu dari bahagian ke ibu pejabat dan sebaliknya," katanya.

Ibu pejabat parti akan menentukan tahap akses pangkalan data di peringkat bahagian, katanya.

Beliau juga berkata tahap kerahsiaan maklumat akan ditentukan dan dengan ini parti dapat mengendalikan pentadbiran Umno secara berkesan dan terkini.

Penggunaan sistem itu juga selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti dalam menjayakan konsep Koridor Raya Multimedia serta meletakkan Umno di hadapan dalam era ledakan maklumat.

-- BERNAMA

ARA NMO